

# 28 Pelajar UMS Sertai Lawatan Ke Singapura Dan Kuala Lumpur Untuk Kukuhkan Ilmu Perhubungan Awam

Oleh Ignasus Rias B. Simon Eko

Seramai 28 orang pelajar dan 3 orang pensyarah dari Sekolah Sains Sosial (SSS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) jurusan komunikasi jalur perhubungan awam dan periklanan telah berjaya menganjurkan sebuah program ke Singapura dan Kuala Lumpur.

Program yang dianjurkan selama 17 hari ini bermula pada 30 Mac 2010 hingga 15 April 2010 adalah bermatlamat untuk mengaplikasikan ilmu perhubungan awam dan periklanan yang telah dipelajari selama 3 tahun di UMS dilakukan secara praktikal menerusi organisasi yang dipilih. Selain itu, program ini juga akan

meningkatkan jati diri pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik malah dari segi sosial tentang bagaimana untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan masyarakat, institusi korporat serta awam dan berhadapan dengan kehidupan yang sebenar.

Sebanyak 10 organisasi telah dilawati oleh rombongan ini iaitu lima organisasi kerajaan dan lima lagi organisasi swasta. Antara organisasi yang dilawati ialah Jabatan Perdana Menteri, SUHAKAM, FINAS, PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Jabatan Penerangan, Genting Highland dan dua

organisasi di Singapura iaitu, New Water dan Urban Redevelopment Authority (URA). Lawatan yang merentasi sempadan ini dilakukan adalah bertujuan untuk membandingkan amalan perhubungan awam yang diaplikasikan di kedua-dua Negara.

Selain daripada lawatan kerja, program ini juga turut menjalankan program khidmat masyarakat di Kampung Hulu Pangsun, Hulu Langat Selangor dengan kerjasama TNB. Program khidmat masyarakat atau lebih dikenali sebagai tanggungjawab sosial merupakan salah satu cabang di dalam amalan perhubungan awam yang telah diajar kepada pelajar.

